

# Pelanggaran Hak Kebebasan Bersuara melalui Penghinaan terhadap Agama: Penilaian Kritis dari Perspektif Islam dan Undang-Undang di Malaysia

## *Violation of the Right to Freedom of Speech through Religious Insults: A Critical Appraisal from the Perspective of Islam and Law in Malaysia*

Nisar Mohammad Ahmad<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

### Article progress

Received: 18 November 2022

Accepted: 16 October 2023

Published: 30 November 2023

### \*Corresponding author:

Nisar Mohammad Ahmad,  
Fakulti Syariah dan Undang-undang,  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;  
Email: nisar@usim.edu.my

**Abstrak:** Artikel ini bertujuan untuk meneliti isu penghinaan terhadap agama yang kerap berlaku mutakhir ini. Jika tidak ditangani sebaiknya, ia berpotensi mencetuskan suasana ketidakharmonian dan perbalahan dalam masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini. Tindakan menghina agama boleh dianggap sebagai suatu bentuk pelanggaran hak kebebasan bersuara yang dijamin di dalam Perlembagaan dan undang-undang. Bagi memahami isu ini dengan lebih lanjut, penelitian kritis akan dibuat berdasarkan perspektif Islam dan undang-undang di Malaysia. Penulisan artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk buku, artikel jurnal, dokumen dan laporan akhbar yang berkaitan. Bahagian awalan artikel ini meneliti konsep kebebasan bersuara yang merupakan satu cabang hak asasi manusia diikuti dengan penelitian berkaitan pelanggaran hak ini melalui tindakan penghinaan agama. Seterusnya, penelitian akan dibuat ke atas isu ini dari perspektif Islam dan beberapa akta yang berkuatkuasa dalam sistem perundangan di Malaysia. Beberapa contoh kes penghinaan terhadap agama akan turut dianalisis sebagai data sokongan diikuti dengan penelitian kepada faktor-faktor penyumbang dan kaedah penyelesaian. Dapatan daripada penulisan artikel ini mengesahkan perbuatan menghina mana-mana agama adalah bercanggah dengan prinsip kebebasan bersuara sama ada yang digariskan oleh agama mahupun undang-undang. Penguatkuasaan undang-undang yang tegas serta proses pendidikan dan peningkatan kesedaran yang berterusan dalam masyarakat adalah penting bagi memastikan penghinaan agama tidak dinormalisasikan dalam kehidupan seharian.

**Kata kunci:** Penghinaan Agama, Kebebasan Bersuara, Islam dan Undang-undang Malaysia.

**Abstract:** The aim of this article is to analyse the recent issue of religious insult which has the potential to create disharmony in the multi-racial community of this country. The act of insulting other religions can be considered as violating the right to freedom of expression guaranteed under the Federal Constitution and various laws in Malaysia. To further understand this issue, critical analysis will be made based on the perspectives of Islam and laws in Malaysia. This article uses qualitative research method by referring to books, journal articles, relevant documents and news reports. The preliminary part of this article examines the concept

of freedom of expression as one of the basic human rights guaranteed for every human being. This article also analyses and justifies the act of insulting religion as tantamount to a violation of freedom of expression. Accordingly, a critical analysis will be made on this issue from the perspectives of Islam and relevant laws in Malaysia. A few cases of religious insult are analyzed as supporting information followed by appraisals on the contributing factors and solution mechanisms. The outcome of this article indicates and affirms that the act of insulting religions is clearly against the principle of freedom of expression as stipulated in Islam and Malaysian laws. Strict law enforcement as well as a continuous education and awareness raising process in the community are important to ensure that religious insults are not normalized in everyday life.

**Keywords:** Religious Insult, Freedom of Expression, Islam and Malaysian laws.

## Pendahuluan

Kepelbagaian dan kerencaman sifat manusia sama ada dari sudut bangsa, bahasa, budaya, adat dan sebagainya adalah bukti kebesaran Allah. Kepelbagaian ini bukan bertujuan untuk manusia bersengketa dan berbalah antara satu sama lain tetapi untuk mereka saling berkenal-kenalan antara mereka. Dengan saling mengenal antara satu sama lain, maka akan terbitlah perasaan kasih-mengasahi, lengkap-melengkapi dan seterusnya hidup secara aman dan harmoni. Di Malaysia, kepelbagaian dan kemajmukan penduduknya adalah ciri-ciri penting yang telah menyumbang kepada kekuatan dan keunikannya yang tersendiri. Berdasarkan data terkini yang dikeluarkan pada 11 Mei 2023 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (Berita Harian, 2023), penduduk Malaysia pada suku pertama tahun 2023 dianggarkan berjumlah 33.2 juta orang. Jumlah ini merangkumi 30.4 juta warganegara dan bakinya adalah bukan warganegara. Jika dipecahkan mengikut kumpulan etnik, daripada keseluruhan 30.4 juta warganegara Malaysia, 70.1% direkodkan sebagai Bumiputera, diikuti Cina (22.6%), India (6.6%) dan lain-lain (0.7%). Dari kalangan Bumiputera, 57.9% adalah Melayu manakala 12.2% adalah Bumiputera lain termasuk dari Sabah dan Sarawak.

Seterusnya, jika dilihat pecahan penduduk mengikut agama pula, penganut Muslim membentuk 63.7% atau 21,350,219 daripada keseluruhan penduduk, diikuti Buddha 17.7% (5,932,479), Kristian 9.4% (3,150,582), Hindu 6.0% (2,011,010), Confucianism, Taoism dan agama tradisional Cina 2.3% (770,887) dan lain-lain / tidak diketahui 0.9% (301,682) (Countrymeters, 2022). Kepelbagaian dan kerencaman penduduk di Malaysia ini sudah pastinya menuntut setiap individu untuk saling

hormat-menghormati antara satu sama lain. Usaha untuk memupuk keharmonian dan perpaduan perlulah sentiasa giat dijalankan dan difahami oleh setiap lapisan masyarakat. Kegagalan untuk menghayati perkara tersebut akan membawa kepada konflik sosial yang merosakkan keharmonian, merapuhkan fabrik sosial serta membawa kepada perbalahan dan perpecahan sesama kelompok dalam sesebuah masyarakat (Syahbudin & Harun, 2022).

Isu penghinaan agama yang kerap berlaku mutakhir ini terutamanya di media sosial sama ada terhadap agama Islam atau agama-agama yang lain adalah suatu contoh kegagalan sesetengah ahli masyarakat untuk menghormati kepelbagaian yang ada dalam masyarakat Malaysia. Isu ini dikategorikan sebagai 3R (agama, raja dan kaum) kerana menyentuh sensitiviti masyarakat berbilang kaum di negara ini. Jika tiada penyelesaian yang tuntas, terutamanya daripada pihak berkuasa, insiden seperti ini pastinya akan menyemai bibit-bibit perpecahan serta menyumbang kepada konflik sesama ahli masyarakat. Sebagai gambaran ringkas kepada keseriusan isu ini, pada 2019, terdapat 1,157 aduan penghinaan terhadap agama Islam, 25 kertas siasatan telah dibuka, 8 kes dihadapkan ke mahkamah, 26 pertuduhan dikenakan, 3 kes mengaku salah dan disabitkan serta 5 kes tidak mengaku salah dan minta dibicarakan (Jabatan Penerangan Malaysia, 2019). Antara contoh-contoh lain insiden penghinaan agama ialah seperti iklan judi menghina Islam (Astro Awani, 2021), perbuatan membakar al-Quran (Zuliaty Zulkiffli, 2021), perbuatan menghina azan (Nur Izzati Mohamad, 2021), tindakan seorang jurugambar menghina agama Hindu di *facebook* (Karim, 2021) dan terbaru, tindakan seorang wanita Muslim yang membuka tudung dan baju kurung dalam program '*stand up comedy*' di sebuah

kelab komedi di Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur (Mokhtar, 2022).

Kes-kes seperti di atas menyentuh isu-isu sensitif yang, jika tidak disekat, boleh menyebabkan berlakunya perbalahan antara kaum. Insiden rusuhan kaum yang pernah berlaku di negara ini seperti Tragedi 13 Mei 1969 sepatutnya menjadi iktibar kepada semua rakyat Malaysia agar berhati-berhati dalam tindakan supaya tidak menyentuh sensitiviti mana-mana kelompok masyarakat di negara ini. Kepesatan teknologi maklumat yang dirasakan kini telah mengubah kaedah berkomunikasi sesama masyarakat termasuk melalui penggunaan media sosial. Justeru, ruang untuk berlakunya penghinaan dan fitnah, termasuk kepada kumpulan etnik berbeza, menjadi semakin luas dan bebas. Kes-kes yang dinyatakan di atas kebanyakannya dilakukan melalui media sosial.

Bagi mencapai objektif yang digariskan, artikel ini dibahagikan kepada beberapa bahagian yang dimulakan dengan bahagian ini sebagai pendahuluan. Seterusnya, artikel ini akan meneliti konsep kebebasan bersuara dan bagaimana perbuatan menghina agama boleh dianggap sebagai melanggar hak kebebasan bersuara ini. Bagi memahami isu ini dengan lebih mendalam, penelitian secara terperinci akan dibuat berdasarkan perspektif Islam dan undang-undang di Malaysia. Dalam bahagian berikutnya, beberapa contoh kes dan insiden penghinaan terhadap agama, faktor-faktor penyumbang dan kaedah penyelesaiannya akan dianalisis untuk memberi gambaran isu penghinaan agama yang berlaku di negara ini. Di akhir artikel, penulis merumuskan bahawa penguatkuasaan undang-undang yang tegas serta proses pendidikan dan peningkatan kesedaran yang berterusan dalam masyarakat adalah sangat penting bagi memastikan penghinaan agama tidak dinormalisasikan dalam kehidupan seharian. Ini sekaligus bagi menjamin keharmonian dan perpaduan penduduk Malaysia terus terpelihara berasaskan prinsip hormat-menghormati dan kasih-mengasihi antara satu sama lain.

## **Konsep Kebebasan Bersuara dalam Perlembagaan Malaysia dan Kaitannya dengan Isu Penghinaan terhadap Agama**

Jika dirujuk kepada undang-undang tertinggi negara iaitu Perlembagaan Persekutuan, hak kebebasan bercakap dan bersuara setiap warganegara telah dinyatakan di dalam Perkara 10(1)(a). Pengamalan hak ini boleh berlaku melalui penulisan, penerbitan, ucapan awam, lukisan dan sebagainya. Hak-hak tersebut walaubagaimanapun tidak bersifat mutlak kerana tertakluk kepada limitasi-limitasi tertentu atas beberapa justifikasi seperti ketenteraman awam dan prinsip moral

(Ahmad, 2011). Perkara 10(2)(a) antara lain memperuntukkan;

*“Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (a) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, hubungan baik dengan negara-negara lain, ketenteraman awam atau prinsip moral dan sekatan-sekatan yang bertujuan untuk melindungi keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan atau untuk membuat peruntukan menentang penghinaan mahkamah, fitnah, atau pengapian apa-apa kesalahan.”*

Perbuatan menghina agama pula secara umumnya merujuk kepada kata-kata yang boleh melukakan hati atau menyinggung perasaan mana-mana pihak yang dikaitkan dalam kata-kata tersebut. Dalam kata lain, penghinaan terhadap agama bolehlah difahami sebagai sebarang bentuk perbuatan sama ada ucapan, tulisan atau sebarang tindak tanduk yang boleh menyebabkan suasana tidak harmoni, perpecahan atau membangkitkan perasaan permusuhan, kebencian dan prejudis berkaitan dengan agama antara individu atau kumpulan daripada agama yang sama atau berbeza (Hashim et. al., 2021).

Justeru, melihat perbuatan menghina agama dalam kerangka kebebasan bersuara, dapatlah difahami bahawa perbuatan penghinaan terhadap agama bukanlah suatu bentuk kebebasan bersuara yang dijamin dan dibenarkan oleh Perlembagaan dan undang-undang. Sebaliknya, ia adalah suatu bentuk pencabulan dan pelanggaran hak kebebasan bersuara kerana ia secara jelas menyebabkan suasana ketidakharmonian dan menyemai perasaan benci-membenci antara masyarakat berbilang agama. Dalam situasi tersebut, kerajaan dan pihak berkuasa melalui agensi berkaitan mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak atau individu yang menghina agama bagi mengelakkan berlakunya suasana yang tidak diinginkan yang boleh menggugat keharmonian masyarakat di negara ini.

## **Penghinaan Terhadap Agama dari Perspektif Islam**

Fitrah manusia sukakan kepada kata-kata dan ucapan yang baik. Ucapan hormat seperti ‘selamat pagi’ atau ‘selamat sejahtera’ adalah tanda saling hormat-menghormati. Ia akan membina bibit persahabatan dan suasana muhibbah. Sikap ini akan melengkapkan keharmonian hidup secara bersama (*peaceful co-existence*) dalam masyarakat yang majmuk seperti di Malaysia. Dalam Islam, ucapan ini menggambarkan hubungan yang baik, harmoni dan mesra (Abdul Kadir,

2009 & 2019). Firman Allah dalam Surah Al-Nisaa' (4:86) yang bermaksud:

*“Apabila kamu diberi hormat dengan satu penghormatan maka balaslah ia dengan cara yang lebih baik atau sama kadarnya.”*

Bersikap baik termasuk melalui ucapan ini tidak terhad hanya kepada Muslim tetapi juga kepada golongan bukan Muslim. Allah SWT telah berpesan kepada hamba-hambaNya yang beriman agar bersikap ihsan dan memberi layanan yang baik kepada bukan Muslim kerana ia salah satu daripada kaedah untuk mendekatkan dirinya kepada Allah SWT selagi golongan ini tidak memerangi dan menzalimi umat Islam. Akhlak yang baik dan sikap toleransi yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam menyantuni bukan Muslim di zaman baginda adalah suatu bentuk dakwah bilhal yang perlu dicontohi oleh masyarakat Islam (Daud, 2013). Bagi memahami dengan lebih jelas isu penghinaan agama daripada perspektif Islam, penulis membahagikan isu ini kepada penghinaan terhadap agama Islam dan terhadap agama lain.

### **Penghinaan Terhadap Agama Islam**

Umat Islam dilarang daripada menjadikan agama sebagai bahan gurauan dan jenaka. Firman Allah SWT dalam Surah Al-An'am ayat 70 yang bermaksud;

*“Dan jauhkanlah diri dari orang-orang yang menjadikan agama mereka sebagai permainan dan hiburan, dan mereka pula telah diperdayakan oleh kehidupan dunia dan peringatkanlah (mereka) dengan Al-Quran itu supaya tiap-tiap diri (di akhirat kelak) tidak terjerumus (ke dalam azab neraka) dengan sebab apa yang ia telah usahakan (dari perbuatan yang buruk dan keji).”*

Perbuatan menghina agama Islam seperti menjadikan agama Islam dan Allah SWT serta Nabi Muhammad SAW sebagai bahan jenaka, komedi dan bahan olok-olok yang mempersendakan adalah dilarang keras oleh agama Islam dan perlu dipandang serius oleh semua umat Islam. Selain itu, perbuatan mempersendakan ayat-ayat suci al-Quran dan membuatkan seolah-olah ia bukan kalam Allah yang mulia juga merupakan satu jenayah mengikut undang-undang Islam. Di dalam sebuah khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) (2022), telah disenaraikan perbuatan menghina agama Islam yang antara lain termasuk;

- i. Mencerca Allah SWT, menghina Nabi Muhammad SAW dan mempersenda Al-Quran.

- ii. Mempersenda dan meremeh hukum agama.
- iii. Menghina sunnah Nabi Muhammad SAW.
- iv. Enggan melaksanakan hukum Allah.
- v. Menghina ajaran Islam yang bersifat qat'ie.
- vi. Mempermain-mainkan syiar Islam.

### **Penghinaan Terhadap Agama Lain**

Kadangkala terdapat salahfaham dalam kalangan masyarakat Islam berkaitan penghinaan kepada agama lain. Ada yang mungkin menganggap ia tidak salah kerana apa yang difahami mereka, memandangkan hanya Islam satu-satunya agama yang diterima oleh Allah SWT dan agama-agama lain tidak diterima oleh Allah SWT, maka wajarlah agama lain dipandang hina dan tidak dimuliakan. Fahaman ini jelas menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenar kerana dalam Islam, umat Islam bukan hanya dilarang menghina agama sendiri, tetapi menghina agama lain juga amatlah dilarang (JAIS, 2022). Tambahan pula menghormati agama dan kepercayaan orang lain tidak semestinya bermaksud mempercayai agama tersebut tetapi sebagai tanda hormat. Firman Allah SWT dalam Surah Al-An'am Ayat 108 yang bermaksud;

*“Dan janganlah kamu cerca benda-benda Yang mereka sembah Yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas Dengan ketiadaan pengetahuan.”*

Menjelaskan lanjut ayat di atas, Al-Sobuni dalam tafsirnya berkata: *“Dan janganlah kamu mencela sembah-sembahan orang musyrikin dan berhala-berhala mereka maka, mereka kelak akan membalasnya dengan celaan kepada Allah dalam keadaan jahil dan akan bersifat melampau disebabkan mereka tidak mengetahui kebesaran Allah S.W.T.”* Ibnu Abbas pula berkata, orang-orang musyrikin Mekah berkata kepada Nabi Muhammad SAW; *“Berhentilah daripada menghina tuhan-tuhan kami ataupun kami akan menghina Tuhan kamu”*. Maka disebabkan hal tersebutlah Allah menurunkan laranganNya ini (Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, 2020).

### **Penghinaan Terhadap Agama dari Perspektif Undang-Undang**

Di Malaysia, peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan menghina agama terdapat di dalam kedua-dua sistem perundangan iaitu undang-undang sivil dan undang-undang Syariah. Undang-undang sivil mengikat semua orang tanpa mengira agama dan merangkumi penghinaan kepada agama Islam dan agama-agama lain manakala undang-undang Syariah pula hanya mencakupi

perbuatan menghina Islam oleh orang-orang Islam sahaja.

### *Undang-undang Sivil*

Dalam Akta Hasutan 1948 (Akta 574) terdapat beberapa peruntukan umum yang menyeluruh untuk menangani kesalahan-kesalahan yang ditakrifkan sebagai menghina agama yang boleh digunapakai untuk kesalahan-kesalahan menghina agama. Ia seiring dengan limitasi yang dibenarkan terhadap kebebasan bersuara yang diperuntukkan dalam Perkara 10(2)(a) Perlembagaan Persekutuan. Seksyen 3(1)(c) Akta Hasutan 1948 sebagai contoh melarang dan menegah sebarang tindakan yang boleh ditakrifkan sebagai mendatangkan kebencian atau penghinaan terhadap mana-mana pihak termasuk hal yang berkaitan agama. Seksyen 2 akta yang sama menyebut tafsiran 'menghasut' sebagai apa-apa perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau apa-apa benda lain menjadikan perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain itu sebagai yang mempunyai kecenderungan menghasut.

Dalam Kanun Keseksaan (Akta 574) pula, Seksyen 298A memperuntukkan sesiapa sahaja melalui perkataan sama ada secara ucapan atau bertulis, atau apa-apa aktiviti atau perbuatan, termasuk penganjuran atau promosi atau apa jua bentuk aktiviti atau sebarang percubaan untuk menganjurkan atau promosi atau akitiviti berkaitan agama yang boleh menimbulkan keadaan tidak harmoni atau perpecahan atau boleh menimbulkan perasaan permusuhan atau kebencian atau prejudis antara individu atau kumpulan agama yang sama atau berlainan agama boleh dihukum penjara tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi lima tahun sekiranya sabit kesalahan. Peruntukan berkaitan perkara yang sama turut dinyatakan di dalam Seksyen 505(c), yang antara lain menyebut:

*“Barang siapa membuat, menerbitkan atau mengedarkan apa-apa kenyataan, khabar angin atau berita dengan niat hendak mengapikan atau yang mungkin mengapikan mana-mana golongan atau kaum melakukan sesuatu kesalahan terhadap mana-mana golongan atau kaum lain; Hendaklah diseksa dengan penjara yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.”*

Selain itu, kesalahan penghinaan terhadap agama, terutamanya secara penulisan dan bahan bercetak boleh juga disekat dan diambil tindakan menggunakan peruntukan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301). Seksyen 4(1)(a) dan (b) akta ini memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang mencetak atau menghasilkan atau menyebab atau

membenarkan dicetak atau dihasilkan dengan mengguna mesin cetak atau mesinnya apa-apa hasil penerbitan atau dokumen yang lucah atau selainnya bertentangan dengan kesopanan awam; atau yang mengandungi perkara mengganas terhadap orang-orang atau harta, menggalakkan pencabulan undang-undang atau terhadap apa-apa perintah yang sah di sisi undang-undang atau yang melakukan pecah keamanan atau yang mungkin membawa kepada pecah keamanan atau menggalakkan perasaan niat jahat, perseteruan, permusuhan, kebencian, ketidakharmonian atau pecah belah, adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Melihat kepada trend perbuatan menghina agama yang kerap berlaku khususnya di media sosial mutakhir ini, maka kesalahan seperti ini boleh juga disekat melalui peruntukan-peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588). Antara lain, Seksyen 233 akta ini memperuntukkan bahawa apa-apa bentuk komunikasi secara elektronik yang boleh menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu mana-mana orang yang telah dibuktikan bersalah boleh dikenakan hukuman sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 233(3) iaitu denda maksimum RM50,000 atau penjara maksimum setahun atau kedua-duanya dan boleh didenda RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan, jika disabitkan kesalahan.

### **Undang-undang Syariah**

Di bawah undang-undang Islam yang terpakai di semua negeri di Malaysia, hanya kesalahan menghina agama Islam yang dilakukan oleh orang Islam yang boleh disekat dan diambil tindakan. Kebanyakan negeri meletakkan peruntukan-peruntukan yang membabitkan kesalahan ini dalam bahagian yang berhubungan dengan kesucian agama Islam dan institusinya (Kharal Anuar & Samuri, 2017). Contohnya seperti negeri Selangor yang memperuntukkan kesalahan ini dalam Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 pada Bahagian III, Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesucian Agama Islam Dan Institusinya seperti yang boleh dilihat dalam seksyen 9, 10 dan 11. Peruntukan-peruntukan bagi kesalahan tersebut dinyatakan seperti berikut:

*Seksyen 9: Mana-mana orang yang, dengan kata-katanya atau perbuatannya, mempersendakan, menghina, mencemuh atau menyebabkan dipandang hina ayat-ayat al-Qur'an atau Hadith adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau*

*dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.*

*Seksyen 10: Mana-mana orang yang dengan perkataan yang dapat didengar atau dibaca atau dengan lukisan, tanda atau bentuk lain gambaran yang tampak atau yang dapat dilihat atau dengan apa-apa cara lain –*

*a. Menghina agama Islam atau menyebabkan agama Islam dipandang hina;*

*b. Mempersendakan, mengajuk-ajuk atau mencemuh amalan atau upacara yang berhubungan dengan agama Islam; atau*

*c. Mempersendakan atau menyebabkan dipandang hina mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa di negeri ini yang berhubungan dengan agama Islam, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.*

*Seksyen 11: Mana-mana orang yang memusnahkan, merosakkan atau mencemarkan manamana masjid atau surau atau tempat beribadat lain atau apa-apa kelengkapannya dengan niat untuk menghina atau mempersendakan agama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.*

Selain itu, hukuman yang diperuntukkan oleh setiap negeri bagi tiga kesalahan ini masih berada dalam kategori takzir kerana kadar hukuman yang boleh dikenakan oleh Mahkamah Syariah adalah tertakluk di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) iaitu tidak boleh melebihi 3 tahun penjara atau denda tidak melebihi RM 5,000 atau sebatan tidak melebihi 6 kali atau kombinasi mana-mana hukuman tersebut (Kharal Anuar & Samuri, 2017).

### **Contoh Kes Penghinaan Agama di Malaysia**

Kes penghinaan agama di Malaysia yang termasuk dalam isu 3R berlaku dalam pelbagai bentuk dan biasanya siasatan membabitkan isu ini dilakukan oleh pihak berkuasa dengan pantas bagi memastikan keharmonian masyarakat di negara ini terpelihara. Berikut adalah beberapa contoh kes penghinaan agama yang berlaku di Malaysia.

**Jadual 1.** Kes penghinaan agama di Malaysia

No.	Fakta Kes	Undang-undang berkaitan	Perspektif Islam
1.	Pada 9 Julai 2022, ketika umat Islam di Malaysia di dalam suasana sambutan Hari Raya Aidiladha, tular sebuah klip video disyaki menghina agama Islam yang berlaku di sebuah kelab komedi di Taman Tun Dr. Ismail di Kuala Lumpur. Menerusi video berdurasi 53 saat itu, seorang wanita berbaju kurung dan bertudung memperkenalkan diri serta mengaku sebagai seorang wanita Muslim serta hafaz 15 juzuk al-Quran. Sebaik selesai memperkenalkan diri, wanita itu membuka tudung serta baju kurung dipakainya dan mendedahkan pakaiannya yang sebenar iaitu baju terdedah sebahagian dada tanpa lengan serta memakai skirt pendek yang menampakkan sebahagian paha (Razali, 2022). Tindakan seperti yang dipaparkan di dalam video tular tersebut dianggap menghina agama Islam.	Isu ini disiasat di di bawah Seksyen 298A Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.	Menutup aurat adalah sebahagian daripada syariat Islam. Membuat jenaka berkaitannya seperti yang berlaku dalam kes ini secara jelas adalah suatu bentuk penghinaan kepada agama Islam sebagaimana yang disebutkan oleh Allah SWT di dalam ayat 70, Surah Al-An'aam.
2.	Pada Julai 2022, menerusi sebuah klip video yang dikongsi di laman Facebook IRDK Respond Team, seorang lelaki dengan biadap telah menghina agama Islam. Malah, lelaki yang mengenakan seluar jeans lusuh pendek dan berbaju merah itu juga telah mencabar orang Islam supaya mencari dan berhadapan dengannya jika berani. Berdasarkan klip video berdurasi empat minit 13 saat itu juga, lelaki terbabit menggambarkan Islam dan penganutnya sebagai pengecut. <i>“Islam itu hanya di punggung aku, semua orang Islam penakut (pengecut) hanya berani bila ramai. “Kenapa pergi pukul orang itu ramai-ramai kalau berani pergilah seorang, lama dah aku cakap Islam ini jahat, kamu semua macam kera (monyet),”</i> cabar lelaki tersebut. (Kosmo, 2022).	Isu ini disiasat di bawah Seksyen 298A Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.	Penggunaan kata-kata kesat oleh individu-individu dalam tiga kes ini yang disasarkan kepada Islam dan umat Islam sekali bertujuan untuk menghina Islam. Perbuatan ini dilarang keras dalam agama kerana ia boleh menimbulkan persepsi negatif dan suasana tidak harmoni dalam Masyarakat.
3.	Seorang duda direman empat hari selepas disyaki menghina agama Islam melalui sebuah audio yang tular dalam aplikasi WhatsApp pada 4 Julai 2022. Terdapat kejadian tular sebuah audio yang dipercayai dilakukan pada 2021 yang mana lelaki terbabit memaki-hamun individu tertentu termasuk agama Islam (Utusan Malaysia, 2022).	Kes disiasat mengikut Seksyen 298A Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998	Rasulullah SAW bersabda: “Barang siapa beriman pada Allah SWT dan hari akhirat hendaklah berkata baik atau diam (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).
4.	Seorang penghantar makanan didenda RM50,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Sepang, Selangor pada 21 Julai 2022, atas pertuduhan membuat dan memulakan penghantaran komunikasi jelik yang menghina umat dan agama Islam serta Rasulullah SAW melalui laman sosial YouTube pada minggu sebelumnya. Tertuduh didakwa menggunakan perkhidmatan aplikasi YouTube untuk mempersenda serta menghina umat dan agama Islam serta Nabi Muhammad SAW, iaitu secara sedar telah membuat dan memulakan penghantaran komunikasi jelik dengan niat untuk	Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 233 (1) (a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, yang boleh dihukum bawah Subseksyen 233 (3) akta sama. Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum denda tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih	

	menyakitkan hati orang lain, yang dilihat jam 11.15 malam 16 Julai lalu di Sepang, Selangor.	setahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan (Ahmad, S., 2022).	
5.	Seorang jurugambar syarikat produksi didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur, pada 2 April 2021, selepas didapati bersalah atas dua tuduhan memuat naik status jelik menghina agama Hindu dalam Facebooknya, dua tahun sebelum itu. Hakim MM Edwin Paramjothy dalam penghakimannya berkata, kebebasan bersuara tidak termasuk kebebasan untuk menghina dan merendahkan mana-mana agama serta kepercayaan agama lain tanpa dikenakan hukuman. Jenayah menghina agama seseorang tidak hanya dilakukan terhadap orang itu, tetapi juga terhadap nilai dan fungsi diwakili oleh agama dan penganutnya. Agama adalah sesuatu yang peribadi dan sangat dihormati penganutnya. Bagi pertuduhan pertama dan kedua, dia didakwa melalui perkhidmatan aplikasi Facebook dengan menggunakan laman profil Facebook 'Zamri Bin Abd Razak' secara sedar membuat dan memulakan penghantaran dua komunikasi jelik dengan niat menyakitkan hati orang lain.	Individu ini didakwa mengikut Seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara hingga setahun atau kedua-duanya dan juga didenda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan (Bernama, 2021).	Islam melarang umatnya menghina agama Islam dan agama-agama lain kerana ia boleh mencetuskan perbalahan di dalam Masyarakat.  Firman Allah SWT dalam Surah Al-An'am Ayat 108 yang bermaksud;  <i>Dan janganlah kamu cerca benda-benda Yang mereka sembah Yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas Dengan ketiadaan pengetahuan.</i>
6.	Pada Oktober 2021, tular sebuah klip video berdurasi seminit di aplikasi media sosial seperti Tik Tok, Facebook dan WhatsApp yang mengundang kemarahan orang ramai. Ia mengandungi kenyataan berbau penghinaan agama dan kaum oleh seorang penceramah bebas. Kenyataan tersebut telah menyebabkan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) membuat laporan polis terhadap seorang penceramah tersebut yang didakwa menghina penganut agama Hindu dan Buddha, serta orang Dayak, dalam ceramahnya. Laporan itu dibuat kerana mendakwa penceramah terbabit mengatakan "orang kafir" akan menyerang orang Islam. Meskipun penceramah tersebut menjelaskan ceramah asalnya dipotong dan ditular sehingga menyebabkan orang bukan Islam tersalah faham apa yang dimaksudkan, pihak Polis mengesahkan telah menjalankan siasatan berhubung kes tersebut.	Siasatan kes ini dikendalikan Unit Siasatan Jenayah Terkelas, Bahagian D5 JSJ Bukit Aman mengikut Seksyen 505(c) Kanun Keseksaan, kerana dengan niat hendak mengapikan atau mungkin mengapikan mana-mana golongan atau kaum lain (Malaysiapost, 2021).	



## Faktor Penyumbang dan Cadangan Penyelesaian

Jika dilihat contoh-contoh kes di atas, penghinaan berlaku kerana sebahagian anggota masyarakat telah hilang rasa hormat antara satu sama lain. Disebabkan hal demikian dan ditambah dengan kegagalan untuk mengawal perasaan itu, individu dan pihak berkaitan akan terdorong untuk menzahirkan kata-kata serta ungkapan yang menghina dan menyentuh sensitiviti pihak lain melalui pelbagai platform terutamanya di media sosial. Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Mohd. Ramly et. al. (2021), telah didapati bahawa konteks dan aspek penyebab penghinaan terhadap agama Islam adalah berkait rapat dengan isu pendidikan, isu hubungan etnik, isu politik dan undang-undang. Secara asasnya kesemua aspek ini adalah saling terkait. Selain itu, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2022) turut mengaitkan perbuatan menghina agama dengan faktor tahap pendidikan agama yang rendah. Perbuatan mengejek sesuatu amalan atau kepercayaan dalam agama Islam kebiasaannya dilakukan oleh insan yang jahil ilmu agamanya. Disebabkan kejahilan tersebut, maka tidak ada lagi rasa segan silu untuk mengeluarkan kata-kata melalui gurau senda, momokan, jenaka dan mempersenda yang hanya mengesahkan lagi kejahilan yang selama ini tersembunyi dalam diri. Maka adalah penting untuk masyarakat Malaysia bersama-sama menolak jenaka yang mempersenda apa jua unsur agama, budaya dan adat masyarakat.

Selain itu, menurut bekas Pengerusi Jawatankuasa Tetap (EXCO) Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Negeri Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mughni (2022), kes-kes penghinaan terhadap agama Islam yang berlaku kemungkinan berpunca daripada perasaan kecewa dan putus asa oleh individu tertentu apabila berhadapan dengan masalah-masalah hidup. Situasi tersebut menyebabkan mereka berasa tidak ditolong oleh Allah SWT pada saat mereka memerlukan. Walaupun belum ada laporan khusus tentang punca-punca timbulnya gejala ini, namun usaha berterusan perlu dilaksanakan bagi mengatasi isu ini daripada berlarutan dan menjadi semakin tidak terkawal.

Memandangkan faktor pendidikan dan kefahaman berkaitan agama dikaitkan sebagai antara faktor utama, maka usaha meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap nilai-nilai dan prinsip-prinsip agama perlu dipertingkatkan. Semua pihak perlu menyumbang tenaga mengikut kapasiti dan kemampuan masing-masing untuk membendung isu ini khususnya dari sudut menjernihkan kefahaman terhadap Islam, ketuhanan dan amalan-amalan sama ada dalam kalangan umat Islam khususnya atau non-Muslim amnya. Kepekaan ahli-ahli keluarga dan rakan taulan yang rapat dengan individu-individu

berkenaan perlu segera bertindak membantu dan melorongkan mereka ke jalan yang betul. Program meningkatkan kesedaran kuliah-kuliah tidak sepatutnya dihadkan di masjid dan surau sahaja bahkan perlu diperluaskan di pelbagai lokasi tumpuan masyarakat dengan kaedah yang lebih santai dan bersahaja.

Begitu juga, masyarakat perlu menyemai dan mempraktikkan konsep *Fiqh Ta'ayyush* (hidup bersama) dalam negara yang majmuk sifatnya ini agar sentiasa saling hormat menghormati antara satu sama lain (Ahmad Mughni, 2022). Bagi menyemai rasa hormat menghormati, mengelakkan prasangka buruk dan membina persefahaman yang baik dalam kalangan masyarakat, maka dialog antara agama adalah antara inisiatif yang boleh dilaksanakan. Melalui dialog dan toleransi yang baik sesama manusia, Islam mampu diterjemahkan sebagai agama yang memberi rahmat kepada sekalian makhluk. Apa yang nyata, salah faham dan permasalahan yang bersifat mendasar mampu diselesaikan melalui pendekatan bermuamalah melalui dialog agama secara bijaksana, mau'izah al-hasanah dan dalam keadaan tertentu bermujadalah dengan cara yang baik. Islam menyedari bahawa keragaman umat manusia dalam agama, budaya, pemikiran dan kehidupan adalah kehendak Allah yang tidak mungkin boleh disamakan (Awang et al., 2019).

Daripada perspektif *maqāsid al-sharī'ah* pula, menghindarkan diri daripada kemudaratan dan perpecahan adalah penting untuk memenuhi tuntutan syarak dalam menjaga agama (Islam) dan nyawa. Sebagai anggota masyarakat, setiap kelompok terutamanya agamawan harus giat untuk memperkasakan pemahaman Islam di kalangan rakyat. Penyebaran ilmu-ilmu kemasyarakatan yang dikembangkan melalui tradisi Islam seperti *Fiqh al-Ta'ayyush* (fiqh hidup bersama dengan bukan Islam), *maqāsid al-sharī'ah* dan sebagainya wajar dijadikan isi pengisian di kebanyakan institusi masyarakat. Ibu bapa juga perlu memastikan ahli keluarga terutamanya anak-anak mereka mendapat didikan dan pemahaman yang baik tentang tatacara hidup bermasyarakat. Ini kerana keluarga merupakan unit asas yang penting untuk menentukan nilai yang dipegang oleh masyarakat dalam sesebuah negara (Syahbudin & Harun, 2021).

Selain itu, seiringan dengan usaha-usaha meningkatkan tahap kefahaman masyarakat tentang kepentingan hormat-menghormati antara satu sama lain, pendekatan perundangan juga perlu terus digunakan sebagai kaedah pencegahan. Ia amat penting bagi memastikan kesalahan menghina agama dapat disekat dan dihentikan agar ia tidak dinormalisasikan dan seterusnya menjadi barah di dalam masyarakat. Sekiranya terdapat kelompangan dalam pelaksanaan mana-mana undang-undang yang berkaitan, maka usaha

penambahbaikan perlu dilaksanakan oleh pihak yang berkaitan termasuk kajian dan penelitian bagi memastikan keberkesanan undang-undang tersebut.

## Kesimpulan

Hidup bersama secara aman (*peaceful co-existence*) adalah elemen penting dalam sesebuah negara yang penduduknya majmuk seperti Malaysia. Adalah penting untuk semua pihak memahami bahawa negara tidak akan maju ke hadapan jika rakyatnya saling bercakaran dan berkonflik antara satu sama lain disebabkan kegagalan menguruskan perbezaan yang ada di antara mereka. Artikel ini meneliti isu penghinaan terhadap agama khususnya melalui platform media sosial yang dilihat semakin menjadi-jadi akhir-akhir ini. Isu sensitif yang berkaitan 3R ini pastinya boleh mengganggu-gugat keamanan dan keharmonian rakyat Malaysia yang telah sekian lama hidup dalam suasana aman dan harmoni. Meskipun setiap rakyat Malaysia diberi hak dan kebebasan untuk bersuara dan menyatakan pendapat, namun ia perlu dilaksanakan dengan rasa tanggungjawab dan bukannya dengan menghina atau merendahkan mana-mana pihak atau kelompok masyarakat. Menghina agama bukanlah suatu bentuk kebebasan bersuara tetapi ia suatu bentuk pencerobohan kepada kemuliaan dan sensitiviti pihak lain.

Mengambil kira perbuatan menghina agama yang dilarang keras di dalam Islam dan melanggar undang-undang negara, maka adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan perbuatan ini tidak berlarutan. Artikel ini mencadangkan penguatkuasaan undang-undang yang tegas serta proses pendidikan dan peningkatan kesedaran yang berterusan dalam masyarakat sebagai mekanisme penting bagi memastikan penghinaan agama tidak dinormalisasikan dalam kehidupan seharian. Setelah 66 tahun hidup bersama di dalam negara bernama Malaysia ini, semua rakyat dan ahli masyarakat perlu menginsafi dan menyedari bahawa pejuang kemerdekaan mengambil masa puluhan tahun untuk memastikan negara ini bebas dan berdiri sendiri sebagai negara bangsa yang merdeka. Namun jika ada dalam kalangan rakyat yang tidak berhati-hati dalam tindakan termasuk melakukan penghinaan agama, keharmonian dan kemanan yang dikecap selama ini boleh lenyap dalam sekelip mata. Justeru, memelihara dan mengekalkan keharmonian perlu menjadi tanggungjawab semua pihak di setiap lapisan masyarakat di negara ini.

## Rujukan

Abdul Kadir, M. N. (2009). *Fiqh Berinteraksi dengan Non-Muslim*. Telaga Biru Sdn. Bhd.

Abdul Kadir, M. N. (2019). Fiqh Interaksi Antara Masyarakat Pelbagai Agama. Dalam Baharuddin, A et. al (Pnytg), *Islam dan Hubungan Antara Penganut Agama* (Hlm 179-217). Penerbit IKIM.

Ahmad Mughni, M. Z. (2022, Julai 19). Kecewa, putus asa dalam hidup, punca hina agama Islam – Exco. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/07/kecewa-putus-asa-dalam-hidup-punca-hina-agama-islam-exco/>

Ahmad, N. M. (2021). Federal Constitution and Its Human Rights Approaches in Guaranteeing Peaceful Coexistence in Malaysia: An Analysis. Dalam Abdul Muthaliff et. al. (Pnytg), *E-Proceedings of The International Conference on Aqidah, Religions and Social Sciences* (Sigma 11). FKP, USIM.

Ahmad, N.M. (2011, July 1). Islam stresses principles of freedom of expression. *Malaysiakini.com*. <https://www.malaysiakini.com/letters/168591>

Ahmad, S. (2022, Julai 21). Penghantar makanan didenda RM50,000 hina Islam, Rasulullah SAW. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/07/978680/penghantar-makanan-didenda-rm50000-hina-islam-rasulullah-saw>

Al-Shobuni, M. A. (t.t.) *Shafwah al-tafasir tafsir lil quran al-'azim, jami'i baina al-mathur wa al-manqul*. Dar Al-Hadith.

Astro Awani. (2021, Apr 17). *Video Tular Iklan judi hina agama Islam – JAKIM* [Video]. Youtube. <https://www.astroawani.com/video-malaysia/video-tulariklan-judi-hina-agama-islam-jakim-1900190>

Awang, A. et al. (2019). Penguatan Semula Peradaban Komuniti Cina Muslim Berasaskan Dialog Antara Agama: Pengalaman di Terengganu dan Brunei. *Jurnal Sains Insani*, 4(1), 77-84

Bernama. (2021, April 21). Hina agama Hindu, jurugambar didenda RM15,000. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/04/802824/hina-agama-hindu-jurugambar-didenda-rm15000>

Countrymeters. (2022). *Religion in Malaysia*. <https://countrymeters.info/en/Malaysia#religion>

Daud, M. H. (2013). *Non-Muslim Menurut Kaca Mata Rasulullah*. Telaga Biru Sdn. Bhd.

Hashim, H., Ghulam Khan, I. N., A. Shukor, H. & Yusof, N. (2021). Hukuman Bagi Kesalahan Penghinaan Ke Atas Rasulullah Saw Menurut Undang-Undang Jenayah Islam Dan Undang-Undang Di Malaysia. Dalam *E-Proceedings of The International Conference on Da'wah and Islamic Management (IC-DAIM 2021)* (Hlm. 58-72). Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Jabatan Agama Islam Selangor. (2022). *Jangan Hina Islam dan Nabi Muhammad SAW*. Khutbah Jumaat 2 September 2022.

Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan (2020, Februari 3). Larangan Menghina Agama Lain. <https://muftins.gov.my/2020/02/03/larangan-menghina-agama-lain/>

Jabatan Penerangan Malaysia (13 Mei, 2019). *Data Kes Penghinaan Agama Islam*. [https://www.facebook.com/230445633883/photos/a.10151100879478884/10156786873673884/?paipv=0&eav=AfYI9AzmGZUuMH20zGE2eCpfiKlnZqvXg3LCeF-HR9j1WcBv3Lt0uETwd3rKh5qDaa0&\\_rdr](https://www.facebook.com/230445633883/photos/a.10151100879478884/10156786873673884/?paipv=0&eav=AfYI9AzmGZUuMH20zGE2eCpfiKlnZqvXg3LCeF-HR9j1WcBv3Lt0uETwd3rKh5qDaa0&_rdr)

Karim, K. N. (2021, April 2). Photographer slapped with RM15,000 fine for insulting Hinduism. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2021/04/679006/photographer-slapped-rm15000-fine-insulting-hinduism>

Kharal Anuar, M. A. & Samuri M. A (2017). Analisis Matan Undang-Undang Syariah Negeri Berkaitan Kesalahan Menghina Agama Islam di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 2(1), 1-30.

Kosmo (2022, Julai 18). Lagi kes hina agama Islam di media sosial. *Kosmo online*. <https://www.kosmo.com.my/2022/07/18/lagi-kes-hina-agama-islam-di-media-sosial/>

Malaysiapost (2021, Oktober 7). *Polis siasat Ustaz Syakir Nasoha*. <https://malaysiapost.com.my/2021/10/07/polis-siasat-ustaz-syakir-nasoha/>

Mohd Ramly, R., Abd Mutalib, M. M., Wan Mohd Razali, W. M. F. A., Mohd Shukor, N., Abd Rahman, M. R., Mat Sharif, E. A., Mustafa, M. Z., & Mohd Haris, I. (2021). Memahami Aspek Penghinaan Terhadap Agama Islam di Malaysia. Dalam *E-Proceedings of The International Conference on Da'wah and Islamic*

*Management (IC-DAIM 2021)* (hlm 38-57). Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Mokhtar, N. A. (9 Julai, 2022). JAWI siasat persembahan komedi hina Islam. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/07/974812/jawi-siasat-persembahan-komedi-hina-islam>

Nur Izzati Mohamad. (2021, Jun 30). Tukang urut hina azan ditahan. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2021/06/833854/tukang-urut-hina-azan-ditahan>

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2022, Julai 17). Dosa besar jadikan agama Islam sebagai bahan jenaka – Mufti. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-politik/dosa-besar-jadikan-agama-islam-sebagai-bahan-jenaka-mufti-371445>

Razali, S. A. (2022, Julai 9). Polis siasat wanita hina Islam di kelab komedi. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/07/974866/polis-siasat-wanita-hina-islam-di-kelab-komedi>

Redzuan Muharam. (2023, Mei 11). Penduduk Malaysia 33.2 juta, kadar kelahiran hidup meningkat. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1099817/penduduk-malaysia-332-juta-kadar-kelahiran-hidup-meningkat>

Syahbudin, L. H. & Harun, M. S. (15 Jun 2022). Hormati kepercayaan agama rahsia keamanan sejagat. *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com/2022/06/15/hormati-kepercayaan-agama-rahsia-keamanan-sejagat/>

Utusan Malaysia (2022, Julai 20). *Hina agama: Duda direman empat hari*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/07/hina-agama-duda-direman-empat-hari/>

Zuliaty Zulkiffli. (2021, Jun 15) Bakar tafsir al-Quran kerana kecewa kekasih berubah hati. *Harian metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/06/718093/bakar-tafsir-al-quran-kerana-kecewa-kekasih-berubah-hati>